

# GARIS PANDUAN PENGIMPORTAN SEKERAP LOGAM KE MALAYSIA

JABATAN ALAM SEKITAR
MESTECC

# TUJUAN




Menjelaskan kriteria bahan sekerap yang dibenarkan import



Bahan sekerap yang diimport untuk tujuan kitar semula dengan aktiviti pengasingan sahaja tidak mempunyai nilai tambah di sektor perindustrian

# LATAR BELAKANG

Negara China mengawal kemasukan bahan sekerap

Operasi *Green Earth* bagi membanteras perdagangan haram sisa buangan yang berbahaya



sekerap logam yang bercampur dengan buangan terjadual seperti e-*waste* dan sekerap tembaga iaitu wayar/kabel terpakai dengan penebat

# LATAR BELAKANG

**Negara Malaysia adalah merupakan negara anggota kepada Konvensyen Basel**

**Obligasi untuk melaksanakan pematuhan syarat-syarat Konvensyen**

**Kelulusan adalah diperlukan daripada pihak berkuasa kompeten negara pengimport dan negara transit sebelum buangan boleh dieksport**

# BIDANG KUASA




* Buangan terjadual adalah buangan atau bahan yang dijadualkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

* Pengimportan buangan terjadual tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974

# BIDANG KUASA

- Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017
  - HS 7204 (*ferrous waste and scrap; remelting scrap ingots of iron or steel*)
  - HS 7404 (*copper waste and scrap*)
  - HS 7602 (*aluminium waste or scrap*)

**Homogenous dan tidak bercampur dengan logam-logam lain dan tidak tercemar dengan mana-mana buangan terjadual**

# SYARAT

Berdaftar **dengan** SSM

Mempunyai lesen pengilang (Manufacturing License, ML) daripada MITI

Mempunyai lesen operasi daripada PBT

Mempunyai lesen barang lusuh daripada PDRM

Beroperasi dan mematuhi sepenuhnya **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**

Menjalankan **aktiviti pemprosesan** kitar semula bahan sekerap logam yang diimport

Premis hendaklah memastikan jumlah bahan sekerap logam yang diimport adalah **tidak melebihi kapasiti pemprosesan sedia ada**

Premis hendaklah memastikan **ruang/kapasiti penstoran** bahan sekerap logam yang diimport adalah **mencukupi dan mengamalkan *housekeeping*** yang baik

Premis bertanggungjawab memastikan bahan sekerap logam yang diimport tidak bercampur dan tercemar dengan sebarang buangan terjadual

Premis hendaklah mempunyai peralatan untuk menjalankan aktiviti kitar semula bahan sekerap logam dansekerap logam yang diimport hendaklah tersedia untuk terus diproses bagi menghasilkan produk akhir logam yang dikehendaki dalam bentuk ***ingot*** dengan **ketulenan** yang tinggi sekurang-kurangnya 90%.

# SYARAT TERTAKLUK KETETAPAN SEMASA



Tidak melebihi 0.3% e-waste daripada jumlah berat keseluruhan sehingga **31 Disember 2019**

Sebarang campuran buangan terjadual selain daripada e-*waste* adalah dilarang

Sijil pengesahan kandungan peratusan e-*waste* daripada makmal yang **diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)** hendaklah dikemukakan kepada JAS dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pihak bertauliah selesai menjalankan pemeriksaan dan mengeluarkan laporan



Semua e-*waste* yang terhasil daripada kerja-kerja pengasingan (*segregation*) hendaklah dikendalikan mengikut kehendak **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005**



**Audit alam sekeliling -** Seksyen 33A, AKAS 1974 terhadap pengurusan e-*waste* bermula daripada pemunggahan di pelabuhan sehingga pelupusan ke premis yang ditetapkan




Sekiranya premis tidak mematuhi had batasan yang dibenarkan iaitu 0.3%, tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peratutan di bawahnya



Sekerap logam yang diimport hendaklah tidak tercemar dengan sebarang buangan terjadual dan bahan asing yang boleh menyebabkan proses kitar semula dijalankan secara tidak *environmentally sound manner*

# TANGGUNGJAWAB SYARIKAT PEDAGANG, EJEN-EJEN PENGHANTARAN DAN LOGISTIK, PENGANGKUTAN KARGO DAN "CARRIERS / SHIPPING LINERS"

1. Memastikan kesemua bahan yang diimport atau dieksport tidak mengandungi atau dicemari oleh bahan-bahan yang membolehkannya:-

   i. tertakluk di bawah definisi bahan berbahaya atau lain-lain buangan di bawah Konvensyen Basel; atau

   ii. diklasifikasikan sebagai bahan berbahaya oleh negara pengimport atau negara pengeksport.

2. Melantik wakil untuk memeriksa setiap konsainan sebelum penghantaran bagi memastikan ianya tidak mengandungi atau dicemari oleh bahan berbahaya

# JENIS SEKERAP IMPORT

- SEKERAP LOGAM BESI
- SEKERAP TEMBAGA
- SEKERAP ALUMINIUM







# JADUAL 1: JENIS SEKERAP LOGAM BESI KATEGORI BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK IMPORT



Sekerap besi – homogenus dan tidak dicemari buangan terjadual



Sekerap keluli tahan karat (stainless steel) – homogenus dan tidak dicemari buangan terjadual

# JADUAL 2: JENIS SEKERAP LOGAM BESI KATEGORI TIDAK BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK IMPORT



Sekerap logam yang bercampur dengan *e-waste* (SW110) – pengecualian dengan had batasan yang dibenarkan iaitu pada kadar 0.3%



Sekerap logam yang dicemari buangan terjadual - SW422



Sekerap transformer




Sekerap motor elektrik yang mengandungi bahan berbahaya seperti suis merkuri - SW 422



Sekerap daripada bahagian enjin kenderaan, yang dicemari minyak terpakai – SW 422

# JADUAL 3: JENIS SEKERAP TEMBAGA KATEGORI <u>BOLEH</u> DIPERTIMBANGKAN UNTUK IMPORT



Wayar/kabel tembaga tanpa penebat



Sekerap tembaga

# JADUAL 4: JENIS SEKERAP TEMBAGA KATEGORI TIDAK BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK IMPORT



Wayar/kabel tembaga berpenebat plumbum




Wayar/kabel tembaga yang mengandungi minyak atau gris



Wayar/kabel tembaga berpenebat asbestos



Wayar/kabel tembaga yang bercampur dengan e-waste (SW110) – pengecualian dengan had batasan yang dibenarkan iaitu tidak melebihi 0.3% daripada berat keseluruhan

# JADUAL 5: JENIS SEKERAP ALUMINIUM KATEGORI BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK IMPORT



Sekerap aluminium yang homogenus dan tidak dicemari buangan terjadual



Sekerap aluminium yang homogenus dan tidak dicemari buangan terjadual

# JADUAL 6: JENIS SEKERAP TEMBAGA KATEGORI TIDAK BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK IMPORT



Sekerap aluminium daripada kenderaan kecuali dengan sijil nyahpencemaran (depollution) daripada agensi penguatkuasa negara pengeksport



Sekerap aluminium yang bercampur atau dicemari buangan terjadual


Thank you